



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

YB PUAN HANNAH YEOH

**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

“Empowering Women in Cyber Risk Management”

20 JUN 2019 (KHAMIS)

10.00 PAGI

TINGKAT 21

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN

MASYARAKAT

PUTRAJAYA

Salutation (*tbu*)

1. Selamat pagi dan salam sejahtera. Terima kasih kepada semua yang hadir hari ini bagi pelancaran program “*Empowering Women in Cyber Risk Management*” yang bertujuan meningkatkan kemahiran keselamatan siber wanita sebelum mereka memasuki semula pasaran pekerjaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Menurut laporan Kajian Tenaga Buruh 2017; kadar penyertaan tenaga buruh di Malaysia adalah sebanyak 68% dan pecahan lelaki serta wanita masing-masing adalah 80.1% dan 54.7%.
3. Laporan ini juga menyebut bahawa penyumbang kedua tertinggi di luar tenaga kerja iaitu kumpulan

yang membentuk 32% daripada populasi dalam negara ialah golongan wanita yang mempunyai tanggungjawab terhadap kerja rumah dan keluarga.

4. Sebagai tambahan, TalentCorp dan ACCA dalam laporan mereka; "*Retaining Women Workplace*" menyimpulkan bahawa 93% wanita yang telah berhenti kerja berhasrat untuk kembali semula bekerja tetapi hampir 2 per 3 (iaitu 63%) menghadapi kesukaran berbuat demikian.

5. Wanita membentuk separuh daripada populasi di Malaysia dan hampir separuh daripada tenaga kerja dalam negara. Apa yang boleh kita jangkakan, jika lebih ramai wanita mengisi tenaga kerja, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berpotensi meningkat daripada RM6 billion kepada RM9 billion.

6. Pada tahun 2015, TalentCorp telah memperkenalkan '*Career Comeback Programme (CCP)*' kepada wanita yang ingin kembali bekerja. Melalui inisiatif ini, seramai 820 orang wanita telah kembali bekerja di 323 majikan. Inisiatif ini telah mendapat pujian daripada perwakilan di Sidang Kemuncak Wanita Global di Warsaw, Poland.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

7. Program ***Empowering Women in Cyber Risk Management*** ini sangat tepat pada masanya. Ia adalah usahasama strategik diantara pemegang taruh pihak Kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Wanita (KPWKM), Kementerian Komunikasi dan Multi Media (KKMM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Malaysian Digital

Economy Corporation (MDEC), TalentCorp dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dalam mengembangkan inisiatif CCP bagi membangunkan bakat keselamatan siber serta memberi kemahiran kepada wanita yang akan kembali bekerja.

8. Bagi menyediakan bakat yang berkelayakan, peserta perlu melalui 3 bulan program percubaan bagi membantu mereka meningkatkan kemahiran termasuklah mendalami sektor keselamatan siber. Mereka juga akan didaftarkan dalam program pensijilan yang diiktiraf secara global agar mereka mempunyai pengetahuan asas dalam ekosistem ini.
9. Program perintis '*career comeback*' ini akan menjadi langkah penting ke arah

membangunkan bakat yang bernilai tinggi bagi memenuhi tuntutan industri. Ia juga akan memberi fokus meningkatkan permintaan pasaran kerja seperti Pegawai Perlindungan Data Peribadi; Pegawai Tadbir, Pegawai Risiko dan Pematuhan serta Jurulatih Profesional atau Pengurus Projek mengenai keselamatan siber.

10. Terdapat pelbagai bentuk sokongan yang disediakan kepada para peserta seperti bimbingan mentor, latihan, elaun bulanan dan banyak lagi manfaat yang lain.

11. Selepas para peserta melengkapkan program ini dengan cemerlang, mereka akan ditawarkan jawatan dalam syarikat yang lebih awal memilih mereka menyertai program ini. Kepada mereka

yang berminat dengan program ini, pra-syarat tersebut adalah:-

- a) Mestilah seorang rakyat Malaysia;
- b) Telah berhenti bekerja lebih daripada 6 bulan;
dan
- c) Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam sektor korporat.

12. Faedah utama dalam program *Empowering Women in Cyber Risk Management* ini termasuklah:

- a) Membantu mengisi permintaan bakat tempatan dan syarikat serantau;
- b) Menawarkan ekosistem yang stabil kepada wanita untuk kembali bekerja dengan pembayaran gaji yang tinggi; dan
- c) Membantu mempromosikan konsep kepelbagaian tenaga kerja di mana

pengambilan wanita akan membina cara pemikiran baru, mempunyai lebih banyak idea dan menawarkan pelbagai kemahiran yang akan memberi manfaat kepada industri.

Penutup

13. Akhir sekali, saya berharap semua peserta program perintis *Empowering Women in Cyber Risk Management* ini akan dapat memulakan kerjaya mereka dalam bidang ini pada Januari 2020.

14. Semoga program perintis ini dapat dikembangkan pada skala yang lebih besar pada tahun-tahun yang akan datang. Melalui objektifnya untuk membawa bakat kepada industri, syarikat tempatan juga harus

mengambil peluang ini untuk menjadi rakan kongsi dalam program ini.

15. Ini adalah satu lagi langkah ke hadapan untuk membantu merapatkan jurang bakat di samping dapat membantu wanita kembali bekerja dan menyumbang dalam pembinaan semula Malaysia.

Sekian, terima kasih.